

SH/1/10 m/s29

Persiaran Mokhtar Dahari atasi kesesakan lalu lintas

SHAH ALAM - Projek Menaiktaraf Laluan (B49) Persiaran Mokhtar Dahari yang dibuka secara rasmi semalam dijangka dapat mengatasi kesesakan lalu lintas sebanyak 30 hingga 40 peratus.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, projek yang bermula sejak tahun 2016 itu dilaksanakan susulan daripada rungutan daripada penduduk setempat yang sering berdepan masalah kesesakan lalu lintas.

Menurutnya, kerajaan Selangor responsif pada waktu itu telah mengumumkan mengenai pelaksanaan projek tersebut yang bernilai RM150 juta.

"Dengan perasmian jalan ini, penduduk setempat sendiri mengakui masalah trafik dapat dikurangkan dan diharap inisiatif ini dapat memudahkan masyarakat setempat di sini," katanya kepada pemberita selepas perasmian penyerahan

projek berkenaan di sini semalam.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR), Ir Shahabuddin M Muhayidin dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Datuk Haris Kasim.

Amirudin berkata, pelaksanaan projek itu telah siap sepenuhnya pada 23 September tahun lalu dengan perbelanjaan kos pembinaan sebanyak RM111.5 juta.

"Pelaksanaan projek itu melibatkan kerja memperluas dan menaiktaraf jalan sedia ada dari JKR R3 standard kepada JKR U5.

"Jalan yang dinaik taraf adalah sepanjang empat kilometer dan projek ini turut membabitkan pembinaan dua jejantas utama di persimpangan," katanya.

Katanya, pelaksanaan projek tersebut bukan sahaja dapat menjamin keselamatan orang ramai malah memberi keselesaan kepada pengguna lalu lintas lain.



Amirudin (tengah) menyerahkan Sijil Perakuan Slap-Projek selepas perasmian penyerahan projek berkenaan semalam.